

BULETIN TERENGGANU INCORPORATED

HARNESSING INVESTMENT FOR THE RAKYAT




kandungan

Imbasan

2021

02

Kata Aluan
Pengerusi
Kumpulan
Terengganu Inc



04

TDM Catat
PBT RM81.4
Juta Dan
Pendapatan
RM511.6 Juta
Bagi 2021




05

Kumpulan
Terengganu Inc
& Suez Groupe:
Kongsi Inovasi



03

Kumpulan
Terengganu Inc
Atur Strategi
Capai Peningkatan
Pendapatan 45
Peratus



06

KTSH Lancar Identiti
Baru, Kini Dikenali
Sebagai KMI Kuala
Terengganu

KMI Kuala
Terengganu
Rintis Khidmat
Elektrofisiologi
Swasta di Pantai
Timur



07

EPIC Berhad &
KPK Majukan
Pelabuhan
Kemaman,
Dipuji Menteri
Pengangkutan



09

Terengganu Inc
Tegunkan Prinsip
Laksana Hari
Integriti Secara
Maya



12

Dr. Mohd Zaki
Hamzah Ketua GPB

GPB Catat
Keuntungan
Memberangsangkan
Pada 2021



14
15

8 SEGMENT CSR



16

Drawbridge Tekad
Kembali Sebagai
Ikon Pelancongan
Negara

11

Ts. Abdul Karim
Dilantik CEO SATU
Baru

Projek KTU Penuhi
Keperluan Asas
Sehingga 2030

13

LRTSB Proses 1,200
Metrik Tan Sawit



08


Kerajaan Negeri,
Terengganu Inc
Bincang Masa
Depan Lapangan
Terbang Kertih



10

TDM Berhad Raih
Tiga Anugerah
Pada 2021



<p>18 Permai Hotel Cetus Inovasi Semasa Pandemik</p>	<p>Primula Beach Hotel Amal Konsep Mesra Alam, Sediakan Stesen Cas Kenderaan EV</p>	
<p>19 Sisa Balak Dimanfaat Kembali</p>	<p>TDM Plantation, MPOGCF Memeterai Inisiatif Pulihara Habitat Liar</p>	
<p>20 Manis Fm Perhebatkan Impak Penyampaian Bersama UniSZA</p>	<p>KMI Healthcare Bina Hospital Swasta Pertama Di Kemaman</p>	
<p>21 Kumpulan Terengganu Inc Perhebatkan Usaha CSR Menerusi Lapan Segmen</p>	<p>Terengganu Inc Lancarkan Ajihan Tablet RM1 juta Buat 32 DUN</p>	
<p>22 EPIC Berhad, Ladang Rakyat Trengganu, Satu Agih Tablet, Rapatkan Jurang Teknologi</p>	<p>Terengganu Inc Sokong Imuniti Kelompok, Bantu Usaha Vaksinasi</p>	
<p>23 Jejak Ramadhan 2021: Cari, Bantu, Ceriakan</p>	<p>58 Ekor Lembu Bernilai Rm300,000 Disumbangkan Sempena Qurban Amal 2021</p>	
<p>24 CSR Banjir : Kumpulan Terengganu Inc Cuci Kemaman</p>	<p>'Terengganu Inc Food Bank' Mengisi Perut Golongan Yang Memerlukan</p>	
<p>25 Penarik Beca Terkesan Akibat Pandemik Mendapat Perhatian</p>	<p>CDP 2022 Wadah Mantapkan Pematuhan Undang-Undang Anak-Anak Syarikat Kumpulan Terengganu Inc</p>	
<p>26 Kumpulan Terengganu Inc Wakaf 20,000 Naskhah Al- Quran</p>	<p>Lima Anak Syarikat Kumpulan Terengganu Bolot Anugerah Hasil Pencapaian 2020, 2021</p>	
<p>27 58 Ekor Lembu Bernilai Rm300,000 Disumbangkan Sempena Qurban Amal 2021</p>	<p>800 Peserta Beraksi Dalam Golden Monsoon Ride 2021</p>	
<p>28 TSTC : Pusat Latihan Keselamatan Tempatan Bertaraf Dunia</p>	<p>Chicken Cottage : Tukarkan Pandemik Kepada Peluang Besar</p>	
<p>29 Terengganu FC 2021 Terima Sokongan Teguh Kumpulan Terengganu Inc</p>	<p>Kejayaan Separuh Dekad TSG Bersama 'Pelaburan' Terengganu Inc</p>	

RASIONAL KULIT DEPAN



IMBASAN 2021 :

Motif reka bentuk grafik dipenuhi dengan gabungan tiga warna logo Terengganu Inc bagi melambangkan sifat optimis untuk -untuk menghadapi cabaran mendatang. Dibarisi oleh kakitangan dan diketuai Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, kumpulan tersebut membawa simbol kesungguhan syarikatnya demi memanfaatkan pelaburan untuk rakyat

SIDANG REDAKSI

PENGARANG-PENGARANG
KUMPULAN TERENGGANU INC





Kata-Kata Aluan Daripada
**PRESIDEN & PENGARAH EKSEKUTIF,
TERENGGANU INC**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
DAN SALAM SEJAHTERA,**

ALHAMDULILLAH, SYUKUR KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN KEIZINANNYA DAPAT SAYA MENCATAT SEPATAH DUA KATA DALAM BUKU TAHUNAN BERTAJUK ‘TERENGGANU INC: IMBASAN 2021’

Terlebih dahulu saya ingin ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh warga Kumpulan Terengganu Inc dan 15 anak-anak syarikat atas kejayaan mengharungi kesan kemelesetan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Dalam tahun 2021, sektor pelancongan serta minyak dan gas tidak terkecuali dalam berdepan tempoh mencabar, namun pelbagai strategi dirangka bagi penumpuan kepada pelaburan lestari dan menguntungkan.

Saya yakin menerusi pengurusan kewangan yang berkesan akan memberi ruang dan peluang kepada anak-anak syarikat untuk bergerak ke hadapan.

Hasrat saya agar Kumpulan Terengganu Inc bersedia untuk meningkatkan keupayaan perniagaan dan pelaburan untuk tahun mendatang.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Imbasan 2021

BURHANUDDIN HILMI MOHAMED@ HARUN
Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc

KATA ALUAN PENGERUSI KUMPULAN TERENGGANU INC



ALHAMDULLILAH, SETINGGI-TINGGI UCAPAN SYUKUR DIPANJATKAN KE HADRAT ALLAH SWT, DI ATAS LIMPAH KURNIAAN-NYA, KITA DAPAT MENGIMBAU KEMBALI PENCAPAIAN HASIL PERANCANGAN STRATEGIK OLEH KUMPULAN TERENGGANU INC BAGI TAHUN 2021.

Kumpulan Terengganu Inc telah merekod keuntungan selepas cukai bagi operasi berterusan sebanyak RM8.54 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Pencapaian ini disumbangkan oleh sektor perlادangan di mana peningkatan harga komoditi telah menyumbang kepada pendapatan keseluruhan TDM Berhad & Ladang Rakyat Trengganu Sdn. Bhd. (LRTSB) seperti harga minyak sawit mentah (CPO) mencecah sehingga RM5,000 tan metrik serta harga isirong sawit (PK) yang tinggi. Ini membolehkan LRTSB mencapai pendapatan 180 peratus melebihi unjuran bajet 2021.

Manakala, dalam sektor pelancongan, dua hotel di bawah Terengganu Inc iaitu Permai Hotel dan Primula Beach Hotel mencatatkan

keuntungan pada tahun 2021. Walaupun kebanyakan hotel di seluruh negara menghadapi cabaran getir sehingga ada yang terpaksa menutup operasi, namun kedua-dua hotel tersebut terus kukuh dengan strategi perniagaan yang telah dirancang.

Sektor lain yang terkesan akibat pandemik adalah sektor perkhidmatan industri minyak dan gas serta sumber semula jadi di mana kedua-duanya mengalami penurunan ketara. Walaubagaimanapun, langkah-langkah telah diambil secara proaktif bagi terus memacu pendapatan Kumpulan pada tahun 2022 dan seterusnya.

Saya mengharapkan tahun 2022 ditempuh dengan produktiviti konsisten oleh keseluruhan anak-anak syarikat Kumpulan

serta cabaran akan datang dapat diatasi dengan penyesuaian kepada keadaan semasa oleh pengurusan dan kakitangan.

Perancangan di peringkat Terengganu Inc dan anak-anak syarikat diharap mampu dilaksanakan dengan berkesan di dalam beberapa segmen perniagaan bagi memastikan sasaran pendapatan sebanyak RM1.7 bilion pada tahun 2022 dicapai.

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI MOKHTAR
Menteri Besar Terengganu Merangkap
Pengerusi Terengganu Inc

KUMPULAN TERENGGANU INC ATUR STRATEGI CAPIAI PENINGKATAN PENDAPATAN 45 PERATUS

SEJAK PENUBUHANNYA PADA TAHUN 2006, TERENGGANU INC MERUPAKAN SYARIKAT INDUK PELABURAN MILIK KERAJAAN NEGERI YANG BERPERANAN MENGURUSKAN AKTIVITI PELABURAN DAN KOMERSIAL MELALUI ANAK-SYARIKAT KUMPULAN DI DALAM PELBAGAI SEKTOR UTAMA ANTARANYA PERLADANGAN, PERKHIDMATAN SOKONGAN MINYAK DAN GAS, SUMBER ASLI, HARTANAH, PEMBANGUNAN SERTA PEMBINAAN HARTANAH DAN PENJAGAAN KESIHATAN.



PADA TAHUN 2022, TERENGGANU INC MENYSARKAN PENINGKATAN PENDAPATAN KUMPULAN KEPADA RM1.7 BILION BERBANDING RM1.2 BILION YANG DIREKODKAN PADA 2021.



2021 merupakan tahun di mana sektor perladangan serta minyak dan gas telah menunjukkan peningkatan meyakinkan hasil lonjakan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Kumpulan Terengganu Inc mensasarkan kenaikan sebanyak RM500 juta iaitu 45 peratus pada tahun 2022, daripada jumlah tersebut, hampir RM1 bilion disumbangkan oleh sektor perladangan dan diikuti sektor minyak dan gas iaitu sebanyak RM336 juta.

Bagi sektor perladangan, antara strategi yang digerakkan adalah seperti penanaman kelapa, durian, cili dan nenas, sekali gus mempelbagaikan pendapatan Kumpulan.

Kejayaan mempelbagaikan sektor hiliran sawit juga tidak diabaikan dengan peruntukan RM25 juta bagi penghasilan bahan organik, biohumus dan biogas menerusi bahan sisa kelapa sawit.

“SEJUMLAH RM18 JUTA TELAH DIPERUNTUKKAN BAGI PENANAMAN KELAPA DI KAWASAN SELUAS 492 HEKTAR DI SETIU. MANAKALA ITU, KITA SEDANG MENGENAL PASTI TAPAK BERKELUASAN 360 HEKTAR BAGI TANAMAN DURIAN,”

- Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun

Menyentuh berkaitan perkembangan sektor minyak dan gas, Terengganu Inc sedang giat bekerjasama dengan syarikat senarai awam di Bursa Malaysia, MGB Berhad, bagi membangunkan Kertih Terengganu Industrial Park (KTIP).

Dalam sektor tersebut juga, kapasiti Pelabuhan Kemaman dipertingkatkan lebih empat kali ganda daripada keluasan asal bagi menampung permintaan tinggi pelabur menjelang tahun 2025.

Selain itu, sejajar dengan slogan Terengganu Inc iaitu 'Memanfaatkan Pelaburan Untuk Rakyat', Kumpulan Terengganu Inc telah memperuntukan sebanyak RM9.57 juta untuk program CSR dalam tahun 2022.

Pihak pengurusan sentiasa menilai prestasi anak-anak syarikat setiap suku tahun bagi memastikan sasaran RM1.7 bilion dapat dicapai dan pemantauan rapi berdasarkan pelan perniagaan strategik telah dibuat bagi memastikan KPI tercapai.

Najman Kamaruddin
PENGARAH EKSEKUTIF

TDM CATAT PBT RM81.4 JUTA DAN PENDAPATAN RM511.6 JUTA BAGI 2021



DITUBUHKAN PADA TAHUN 1965, TDM BERHAD MERUPAKAN SEBUAH SYARIKAT TERSENARAI DI PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA DENGAN PERNIAGAAN TERAS DALAM PERLADANGAN KELAPA SAWIT DAN PENJAGAAN KESIHATAN.

“
PADA TAHUN 2021, TDM BERHAD TELAH BERJAYA MENGGANDAKAN PENDAPATAN DENGAN PENGUMUMAN HASIL KEPUTUSAN KEWANGAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2021 MENINGKAT SEBANYAK 16 PERATUS BERBANDING TAHUN SEBELUMNYA.
”



Peningkatan tersebut hasil daripada pertumbuhan pendapatan daripada sektor perladangan sebanyak RM47 juta iaitu 20 peratus dan sektor penjagaan kesihatan sebanyak RM21.7 juta iaitu 11 peratus. TDM Berhad juga mencatatkan peningkatan keuntungan sebelum cukai (PBT) yang ketara sebanyak RM72.3 juta, lebih daripada lapan kali ganda peningkatan yang dicatatkan pada tahun berakhir 31 Disember 2020.

“**BAGI TAHUN 2021, SEKTOR PERLADANGAN MENCATATKAN PENINGKATAN PENDAPATAN SEBANYAK 19 PERATUS BERBANDING TAHUN SEBELUMNYA HASIL HARGA PURATA MINYAK SAWIT MENTAH (CPO) DAN ISIRONG SAWIT (PK) YANG LEBIH TINGGI MASING-MASING SEBANYAK 58 PERATUS DAN 77 PERATUS,**

- Pengarah Eksekutif TDM Berhad, Najman Kamaruddin

Kedua-dua kilang syarikat telah mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 25 peratus dalam pemprosesan iaitu 40 tan metrik (mt) hingga 50 mt sejam.

Sektor penjagaan kesihatan turut beransur pulih daripada kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dengan beberapa hospital telah merekodkan pendapatan melebihi pencapaian sebelum pandemik COVID-19. Bagi tahun 2021, sektor ini mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi sebanyak 11 peratus berbanding tahun yang sama sebelum ini, hasil peningkatan dalam bilangan pesakit luar sebanyak 24 peratus dan purata pendapatan bagi setiap pesakit sebanyak 13 peratus.

Setakat bulan Disember 2021, sebanyak 58 peratus pekerja adalah warga tempatan berbanding hanya 42 peratus untuk tahun sebelumnya.

Sektor tersebut juga telah berusaha sedaya upaya untuk menangani isu peningkatan kos tanpa memberikan impak kepada pesakit, sebagai penghargaan di atas sokongan dan kepercayaan berterusan.

KUMPULAN TERENGGANU INC & SUEZ GROUPE: KONGSI INOVASI

“SALAH SATU ANAK SYARIKAT KUMPULAN, SYARIKAT AIR TERENGGANU (SATU) JUGA BOLEH MENGEMBLENG KEPAKARAN DIMILIKI SUEZ GROUPE TERUTAMANYA BERKAITAN CARA MEMAJUKAN SISTEM PERAIRAN DAN KUMBAHAN DEMI MENINGKATKAN KESELESAAN RAKYAT.”



Buat julung kalinya, Kumpulan Terengganu Inc melihat kepada potensi kerjasama bersama perbadanan multinasional terkemuka, SUEZ Groupe dalam usaha mengadakan pertukaran teknologi berkaitan sistem perairan dan pembuangan yang lebih efisien buat Terengganu.

Perbadanan yang berpangkalan di Perancis itu telah berkecimpung dalam sektor pengurusan air dan sisa selama 160 tahun yang kini beroperasi di lima benua.

“Pihak kami melihat kepada potensi kerjasama SUEZ yang dapat membawa inovasi untuk mencapai pengurusan sumber lebih efektif dan mampan. Antara perkongsian pengetahuan antara dua delegasi adalah seperti pembangunan aspek kebersihan, kesihatan awam serta keselesaan bandar dalam menghadapi cabaran pertumbuhan populasi bandar,” – Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun.

Pertemuan tersebut dihadiri oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Tun Ahmad Faisal Tun Abdul Razak dan Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Abdul Karim Endut dan Pengarah Pembangunan Antarabangsa SUEZ Groupe, Francois Carmanrand mewakili pihaknya dalam pertemuan kolaborasi pada 18 November 2021 di Paya Bunga Hotel Terengganu.

Langkah pertama dalam pencetusan kolaborasi antarabangsa ini diharap dapat menjadi panduan dalam merancang pembangunan masa hadapan untuk kesejahteraan dan kemajuan Terengganu dan rakyatnya.



KTSH LANCAR IDENTITI BAHARU, KINI DIKENALÍ SEBAGAI KMI KUALA TERENGGANU



Ditubuhkan pada tahun 2013, anak syarikat milik TDM Berhad, Kumpulan Medic Iman (KMI Healthcare) merupakan syarikat yang memfokuskan kepada sektor penjagaan kesihatan yang cekap, piawaian tinggi dan berpatutan.

Pada Oktober 2021, salah sebuah hospital di bawah pengurusannya, Hospital Pakar Kuala Terengganu (KTSH) tampil dengan identiti baharu dan kini dikenali sebagai Kumpulan Medic Iman (KMI) Kuala Terengganu Medical Centre atau Pusat Perubatan KMI Kuala Terengganu.

Langkah evolusi berterusan tersebut adalah bagi memperkuuhkan jenama Kumpulan Medic Iman Sdn. Bhd. (KMI Healthcare) dan hospitalnya sebagai sebuah kumpulan sejak penubuhannya pada tahun 2006.



"LOGO YANG DIPERBAHARUI MENGGAMBARKAN PENDEKATAN DAN CITA-CITA BARU BAHAWA KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN PELANGGAN AKAN SENTIASA MENJADI KEUTAMAAN KAMI. DENGAN VISI MENJADI PENYEDIA PILIHAN PENJAGAAN KESIHATAN YANG DIPERCAYAI, KAMI MENAWARKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG BERKUALITI DAN BERPATUTAN BUAT SELURUH LAPISAN MASYARAKAT. PENAMPILAN BARU KMI KUALA TERENGGANU TELAH DIPAMERKAN DI PREMIS, BAHAN PROMOSI, LAMAN WEB, DAN APLIKASI MUDAH ALIH SECARA BERPERINGKAT KEPADA IDENTITI BARU KAMI,"

- Pengurus Besar KMI Kuala Terengganu, Salina Long.

KMI Healthcare turut menguruskan hospital yang terletak bersebelahan Pantai Batu Buruk serta mengendalikan Pusat Perubatan Kuantan di Pahang, Pusat Perubatan Kelana Jaya di Petaling Jaya, dan Pusat Perubatan Taman Desa di Kuala Lumpur.

KMI KUALA TERENGGANU RINTIS KHIDMAT ELEKTROFISIOLOGI SWASTA DI PANTAI TIMUR

PUSAT PERUBATAN KUMPULAN MEDIC IMAN (KMI) KUALA TERENGGANU MUNCUL SEBAGAI HOSPITAL SWASTA PERTAMA DI PANTAI TIMUR YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN ELEKTROFISIOLOGI BUAT PESAKIT JANTUNG.

Penawaran perkhidmatan bagi mengatasi masalah degupan jantung itu selaras dengan pengoperasian Makmal Kateterisasi di pusat perubatan berkenaan sejak Disember 2020.

Pasukan Kardiologi di KMIKT diterajui oleh Dr. Ahmad Suahaimi Mustafa yang mempunyai kepakaran dalam bidang elektrofisiologi yang juga menumpu kepada servis pemasangan perentak jantung kepada pesakit yang mempunyai masalah rentak jantung tidak sekata.

"ANTARA RAWATAN LAIN YANG DISEDIAKAN TERMASUK ANGIOGRAFI KORONARI DAN ANGIOPLASTI KORONARI DENGAN PROSEDUR BERKENAAN BOLEH DIJALANKAN DALAM MASA SINGKAT TANPA PERLU MENUNGGU TEMPOH MASA LAMA SEHINGGA LAPAN BULAN SEBAGAIMANA DI HOSPITAL KERAJAAN,"
- Ketua Pegawai Eksekutif KMI Sdn. Bhd. (KMI Healthcare), Dr. Rayney Azmi Ali.

Malah, fasiliti itu juga dapat mengurangkan kesesakan rawatan pesakit jantung di hospital kerajaan. Makmal yang dibangunkan dengan kos RM4 juta itu menjadi penanda aras buat hospital swasta lain milik kerajaan negeri, memangkin usaha menyediakan perkhidmatan perubatan terbaik kepada semua.



EPIC BERHAD & KPK MAJUKAN PELABUHAN KEMAMAN, DIPUJI MENTERI PENGANGKUTAN

SEJAK PENUBUHANNYA PADA TAHUN 1981, EASTERN PACIFIC INDUSTRIAL CORPORATION BERHAD (EPIC) MERUPAKAN SEBUAH SYARIKAT PERKHIDMATAN MINYAK DAN GAS BERSEPADU YANG BEROPERASI SECARA STRATEGIK DI LAUT CHINA SELATAN, DENGAN SASARAN MENJADI PANGKALAN PREMIUM DI MALAYSIA BARAT DAN ASIA TENGGARA.

Pada tahun 2021, EPIC Berhad bersama anak syarikatnya, Iltizam Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn. Bhd. giat dalam usaha membangunkan Pelabuhan Kemaman mendapat pujiannya daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Usaha anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc tersebut turut mendapat perhatian Kementerian Pengangkutan Malaysia kerana langkah untuk memperkembangkan kapasiti infrastruktur logistik tersebut bertepatan arah pemulihan pasca pandemik COVID-19.

"DALAM PERTEMUAN INI (PADA MAC 2021), KAMI TELAH MEMBINCANGKAN BEBERAPA PERKARA DAN CADANGAN YANG AKAN DILAKUKAN DEMI MERANCAKKAN SEMULA PERTUMBUHAN EKONOMI KHUSUSNYA DI NEGERI TERENGGANU. SAYA JUGA ADA MENJELASKAN MENGENAI JARINGAN LALUAN REL PANTAI

TIMUR (ECRL) YANG PASTINYA AKAN MEMBAWA IMPAK POSITIF KEPADA NEGERI-NEGERI DI PANTAI TIMUR APABILA TELAH SIAP DIBANGUNKAN, AKAN DATANG. MELIHAT KEPADA PELAN YANG DIRANCANG KPK SDN. BHD. DAN EPIC BERHAD, SAYA YAKIN TERENGGANU SUDAH BERSEDIA KE ARAH PEMULIHAN SEMULA INDUSTRI PENGANGKUTAN SERTA LOGISTIK PASCA PANDEMIK," - Menteri Pengangkutan Malaysia, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong

Pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia menyokong segala perancangan yang dibuat demi kepentingan rakyat dan negara secara keseluruhannya.





PADA PERTENGAHAN NOVEMBER 2021, KERAJAAN NEGERI SERTA TERENGGANU INC TELAH MENGADAKAN LAWATAN KE LAPANGAN TERBANG KERTIH BAGI MEMBINCANGKAN PERANCANGAN MASA HADAPAN BERKAITAN INFRASTRUKTUR LOGistik YANG STRATEGIK ITU.

KERAJAAN NEGERI, TERENGGANU INC BINCANG MASA DEPAN LAPANGAN TERBANG KERTIH



Lapangan terbang kecil itu mempunyai landasan sepanjang 1.4 kilometer yang mampu mengendalikan kipas komersial dan pesawat jet, termasuk Boeing 737.

"INFRASTRUKTURINI DIKENDALIKAN OLEH SANZBURY STEAD SDN. BHD. (SSSB), ANAK SYARIKAT PETRONAS, DAN DIURUSKAN OLEH SENAI AIRPORT TERMINAL SERVICES SDN. BHD. (SATSSB),"

- Ketua Pegawai Eksekutif (SSSB), Lius Mat Yusoh.

Menurut SATSSB, lapangan terbang yang terletak di daerah Kemaman itu merupakan nadi penting dalam operasi minyak dan gas di Terengganu, terutamanya untuk penerbangan helikopter ke pelantar minyak luar pesisir di pantai negeri.

"LAPANGAN TERBANGINI JUGA MENGHUBUNGKAN PENERBANGAN KOMERSIAL BERJADUAL YANG DIKENDALIKAN OLEH MALINDO AIR KE SUBANG UNTUK MEMENUHI PERMINTAAN DARIPADA PENGETUARAN PETROKIMIA DAN PENAPISAN MINYAK MENTAH PETRONAS DI PAKA, SEBUAH BANDAR PESISIR PANTAI," - SATSSB

Pertemuan tersebut diketuai Timbalan Pengurus Infrastruktur Negeri, Kemudahan Awam,

Jawatankuasa Utiliti dan Teknologi Hijau, Ir. Saiful Azmi Suhaili serta Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun.

Selepas taklimat tersebut, tetamu kehormat juga dibawa melawat perimeter lapangan terbang yang lengkap dengan perkhidmatan penyelamat bomba. Antaranya adalah pengenalan mengenai sebuah jentera pemadam kebakaran 40 tan, Rosenbauer Panther serta demonstrasi mengenai operasi bomba dan menyelamat.

TERENGGANU INC TEGUHKAN PRINSIP LAKSANA HARI INTEGRITI SECARA MAYA



PADA JANUARI 2021, TERENGGANU INC TELAH MELANCARKAN HARI INTEGRITI 2021 PERINGKAT KUMPULAN SECARA MAYA BAGI MENERUSKAN AGENDA KORPORAT BERPRINSIP DAN BERAMANAH.



Usaha tersebut dilihat bertepatan dengan langkah membendung pandemik COVID-19 dan meneruskan langkah menghayati dan menimba pengetahuan tentang isu relevan berkaitan nilai integriti yang dibincangkan sebagai topik utama.

“RASUAH ADALAH ISU KRITIKAL YANG BUKAN SAHAJA MENJADI KESALAHAN DARI SEGI UNDANG-UNDANG, IA JUGA MERUPAKAN KESALAHAN SOSIAL DAN PERADABAN YANG BOLEH MENJEJASKAN IMEJ NEGARA DI MATA UMUM.”

- Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar

Majlis bertemakan ‘Integriti Budaya Kita’ yang julung kali diadakan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu telah disertai oleh pengurusan dan kakitangan Terengganu Inc. Terengganu Inc komited dalam usaha memperkuatkan integriti, membanteras rasuah, salah guna kuasa, ketirisan perbelanjaan dan kebocoran maklumat sulit dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif.

“POLISI-POLISI YANG DIBANGUNKAN JABATAN PEMATUHAN DAN INTEGRITI KUMPULAN SEPERTI ‘NO GIFT POLICY’, ‘CODE OF BUSINESS ETHICS (COBE)’, ‘WHISTLE BLOWING POLICY’, ‘ANTI BRIBERY AND CORRUPTION POLICY’ SERTA ‘SPONSORSHIP AND DONATION POLICY’ AKAN MEMANTAPKAN PEMBUDAYAAN AMALAN INTEGRITI DALAM KALANGAN ANAK-ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU INC,

- Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun.

Menurut Pengarah SPRM Terengganu, Tuan Ruslan Che Amad , penganjuran yang dilakukan Terengganu Inc dilihat sebagai satu ikhtiar yang baik dalam membendung rasuah dan memantapkan lagi integriti dalam organisasi ke aras lebih tinggi.

Majlis itu telah disempurnakan dengan penyerahan buku COBE dan kalendar 2021 bertemakan Integriti oleh wakil Jabatan Pematuhan dan Integriti kepada Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc.



TDM BERHAD RAIH TIGA ANUGERAH PADA 2021

TDM BERHAD SERTA ANAK SYARIKATNYA TELAH BERJAYA MERAIH TIGA ANUGERAH SEPANJANG TAHUN 2021 HASIL DARIPADA PRESTASI TERBAIK DALAM SEKTOR PERLADANGAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN.

Antara anugerah dibolot seperti 'Company of The Year Award' sempena majlis Anugerah Kemampanan dan CSR Malaysia 2021 di bawah kategori perladangan dan penjagaan kesihatan untuk inisiatif bantuan COVID-19 dan kebajikan haiwan.

"KAMI AMAT BERBESAR HATI MENERIMA PENGITIRAFAN DARIPADA ANUGERAH KEMAMPANAN DAN CSR MALAYSIA 2021 YANG MENJADI PERAKUAN KEPADA SUMBANGAN DAN KOMITMEN SYARIKAT DALAM MENERAJUI PEMBANGUNAN MAMPAK SEBAGAI SEBUAH PERNIAGAAN. BUKAN ITU SAHAJA, PENGITIRAFAN TERSEBUT JELAS MENCERMINKAN MISI TDM UNTUK MENJADI CONTOH INSTITUSI KORPORAT DI TERENGGANU," - Pengarah Eksekutif TDM Berhad, Najman Kamaruddin

Sementara itu, TDM Plantation Sdn. Bhd. (TDMP) turut diiktirafkan dengan Pensijilan Kelestarian dan Karbon Antarabangsa yang diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah (ISCC EU). Pengiktirafan ini diberikan kepada syarikat berikutan penilaian teknikal yang dilakukan terhadap rantaian bekalan, operasi dan gas rumah hijau (GHG) syarikat oleh badan

pensijilan yang berdaftar dengan ISCC di unit operasi Zon Selatan TDMP.

Komitmen jangka panjang TDM terhadap kelestarian ini tidak hanya terhad di semua ladang dan kilang syarikat tetapi juga dapat dilihat dengan jelas di sektor penjagaan kesihatan.

"Saya berbesar hati dapat menyaksikan satu lagi hasil titik peluh pasukan perladangan yang telah membawa syarikat ke arah kejayaan; satu tambahan nilai atas penghargaan dan penganugerahan yang sedia ada", - Pengarah Eksekutif TDM Berhad, Najman Kamaruddin.

Dalam pada itu, sektor penjagaan kesihatan turut mencipta sejarah dengan menerima Anugerah Perak di 'Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA2020)'.

AIGA 2020 adalah sebuah majlis penganugerahan dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Yayasan Pahang (YP) bagi mengiktiraf sektor awam dan

swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan Integriti, dan tadbir urus terbaik.

Pengiktirafan tersebut merupakan satu platform terbaik untuk setiap organisasi mengukur sejauh mana usaha-usaha atau inisiatif meningkatkan integriti dalam organisasi, sistem pengurusan dalaman yang berfokuskan kepada tadbir urus terbaik serta sistem kawalan dalaman bagi mengekang berlakunya rasuah.



Ts. ABDUL KARIM DILANTIK CEO SATU BAHARU

Sejak penubuhannya pada tahun 1997, Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) merupakan anak syarikat Kumpulan yang bertanggungjawab dalam usaha membekal air bersih yang berterusan kepada pengguna meliputi perkhidmatan seperti memperbaiki dan menaikkan lagi taraf bekalan air dan memenuhi keperluan air untuk semua pengguna.

Antara coretan utama pada tahun 2021 adalah pelantikan Ts. Abdul Karim Endut sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu berkuatkuasa mulai 1 September 2021. Pelantikan itu adalah bagi mengantikan Ir. Atemin Sulong yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan pada 24 Julai.

Ts. Abdul Karim merupakan lulusan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Chemistry-Polymer dari



Universiti Henri Poincare, Perancis. Dengan pengalaman lebih 26 tahun dalam pengurusan operasi perkhidmatan air, beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Perkhidmatan Operasi di Air Selangor dari tahun 2018 sehingga 2021. Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan di Konsortium Air Selangor Berhad (KASB) dari tahun 2013-2016 serta Pengurus Operasi ONDEO Services(M), SUEZ Group dari tahun 1994 sehingga 2003.

"KEPIMPINAN TS. ABDUL KARIM MAMPU MEMBAWA SATU KE ARAH TRANSFORMASI PROGRESIF DALAM USAHA MENJADI SYARIKAT OPERATOR AIR TERKEMUKA DI MALAYSIA,"

- Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar



PROJEK KTU PENUHI KEPERLUAN ASAS SEHINGGA 2030

PEMBINAAN LRA BUKIT BERAPIT DAN LRA LOSONG PAKEJ DI BAWAH PROJEK KUALA TERENGGANU UTARA (KTU) DIJANGKA MAMPU MENAMPUNG KAPASITI SEBANYAK 148 JUTA LITER SEHARI (JLH) UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN SEHARIAN PENDUDUK SEHINGGA 2030.

Sejak awal September 2021, sebahagian gangguan air berangan yang berlaku di Kuala Nerus berjaya diselesaikan lebih awal daripada jangkaan. Langkah penanganan tersebut hasil daripada bekalan air bersih dari Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Berapit telah berjaya diaktifkan. Pembinaan loji yang dijalankan iaitu LRA Losong Pakej bakal beroperasi sepenuhnya pada tahun 2022.

"LRA 44 JUTA LITER PADU (JLH)INI MAMPU MENINGKATKAN KAPASITI PENGETUARAN AIR BERSIH BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN

PELBAGAI SEKTOR DI BANDARAYA KUALA TERENGGANU, SEBERANG TAKIR DAN LAIN-LAIN KAWASAN SALURANNYA. PENGOPERASIAN LOJI LOSONG PAKEJ TURUT DIJANGKA DAPAT MENAMPUNG PERMINTAAN SEHINGGA TAHUN 2030. PIHAK SATU SENTIASA KOMITED DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK DALAM MELESTARIKAN SISTEM BEKALAN AIR DI NEGERI TERENGGANU,"

- Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Abdul Karim Endut

Dalam pada itu, SATU juga menumpukan usaha di luar KTU seperti mengambil langkah meningkatkan kecekapan operasi LRA Hulu Terengganu dengan mengantikan peralatan sedia ada yang telah dipasang semenjak 2006. Hasilnya, ia memastikan 24,000 akaun di daerah tersebut mendapat bekalan asas seperti biasa.



DR. MOHD ZAKI HAMZAH KETUAI GPB

BERKUATKUASA PADA 3 SEPTEMBER 2021, SYARIKAT TERSEBUT DIGALAS OLEH KEPIMPINAN BAHRU DENGAN PELANTIKAN DR. MOHD ZAKI HAMZAH DILANTIK SEBAGAI PENGARAH EKSEKUTIF GPB.

Beliau telah dilantik berikutan perletakan jawatan Dato' Ahmad Nadzarudin Abdul Razak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 2 September tahun yang sama. Dr. Mohd Zaki juga merupakan pengarah di Pusat Kecemerlangan Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) bermula pada 15 Jun 2020 selama dua tahun.

"SEKALUNG PENGHARGAAN JUGA DIBERIKAN KEPADA DATO' NADZA ABDUL DI ATAS PERKHIDMATAN BELIAU SELAMA HAMPIR EMPAT TAHUN DI SYARIKAT PEMBALAKAN MILIK KERAJAAN NEGERI TERENGGANU ITU," - Pengurus Golden Pharos Bhd, Dato' Tengku Hasan Tengku Omar

Terdahulu, Dato' Ahmad Nadzarudin Abdul Razak telah dilantik menjadi ketua pegawai eksekutif bermula 14 September 2017.



GPB CATAT KEUNTUNGAN MEMBERANGSANGKAN PADA 2021

Golden Pharos Berhad (GPB) telah mencatatkan hasil kumpulan yang memberangsangkan berjumlah RM56.89 juta bagi tempoh berakhir Disember 2021 iaitu 21 peratus lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Menerusi laporan suku tahunan akhir 2021, keuntungan kasar meningkat 157 peratus kepada RM17.93 juta berbanding RM6.98 juta pada 2020, disumbangkan oleh prestasi memberangsangkan bagi segmen penuaian, perladangan hutan dan pengilangan papan.

"SEGMENT TERSEBUT MENCATATKAN PENINGKATAN KETARA DALAM KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (PBT) KEPADA RM7.75 JUTA DARIPADA RM0.11 JUTA YANG DILAPORKAN PADA 2020. FAKTOR UTAMA KEPADA PENINGKATAN KETARA ADALAH DISEBABKAN OLEH HARGA YANG LEBIH TINGGI DIPEROLEH DARIPADA JUALAN HADAPAN POKOK DI KONSESI PEMBALAKANNYA," - Pengarah Eksekutif GPB, Dr. Mohd Zaki Hamzah

Namun begitu, GPB tidak terkecuali daripada kesan pandemik COVID-19 dan penutupan sektor, dengan impak buruk dirasai menerusi prestasi kewangan Kumpulan selepas operasi digantung pada bulan Jun hingga Ogos 2021.

Sebagai tindak balas, barisan lembaga pengarah telah mengenal pasti langkah baharu yang perlu diambil sambil meneruskan strategi sedia ada. Antaranya seperti mengukuhkan aktiviti huluan bagi menghasilkan nilai pengeluaran kayu yang lebih tinggi dan pulangan yang lebih cepat daripada ladang hutan.

GPB tekad memperkuuhkan semula pengeluaran kayu gergaji dan venir yang lebih tinggi, di samping menambah baik aktiviti hiliran melalui pengembangan barisan pengeluaran venir menjadi papan lapis.

SYARIKAT PERLADANGAN DAN PENTERNAKAN, LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD. (LRTSB)

DITUBUHKAN PADA 1977 DENGAN MELALAMAT UTAMA UNTUK MEMBANGUNKAN PERLADANGAN KELAPA SAWIT DI MUKIM BANDI, TEBAK AND BANGGOL DALAM DAERAH KEMAMAN, TERENGGANU. ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU INC TERSEBUT SEMAKIN BERKEMBANG PADA TAHUN 2021 DENGAN MEMILIKI KELUASAN LADANG SAWIT BERJUMLAH 13,539.30 HEKTAR SERTA KILANG PEMPROSESAN MINYAK SAWIT MENTAH.



Kilang kelapa sawit miliknya mampu memproses dengan kapasiti maksimum sebanyak 1,200 tan metrik Buah Tandan Segar (BTS) setiap hari serta menghasilkan pengeluaran Minyak Sawit Mentah (MSM) berjumlah 250 metrik tan (MT). LRTSB telah diiktiraf oleh Pensijilan MSPO (Malaysia Sustainable Palm Oil) yang merangkumi skop perladangan, pengilangan dan 'supply chain' sejak tahun 2018 dan terus komited dalam memastikan penghasilan produk sawit yang mampar.

"**LRTSB MEMPUNYAI DUA KILANG PEMPROSESAN MINYAK SAWIT MENTAH YANG BEROPERASI DI BANDAR CHENEH BAHARU IAITU KILANG SAWIT BUKIT BANDI (MILIKAN PENUH) DAN KILANG RAKYAT KETENGAH PERWIRA (ANAK SYARIKAT). KILANG SAWIT BUKIT BANDI YANG MULA BEROPERASI PADA TAHUN 2008, TELAH DINAIKTARAF DAN DITAMBAH KAPASITI PEMPROSESAN DARI 40MT/JAM KEPADA 55MT/JAM,"**

- Ketua Eksekutif LRTSB, Ym Che Ku Hafeez Che Ku Denang



LRTSB PROSES 1,200 METRIK TAN SAWIT

Kilang tersebut juga meningkatkan kapasiti tangki simpanan minyak sawit mentah (MSM) serta penggunaan sistem 'Alfa Laval D3 Pro System' bagi tujuan penulenan minyak sawit mentah dengan menggunakan mesin yang direka oleh pengeluar dari negara Eropah bagi meningkatkan kadar perahan MSM dan mengurangkan sisa buangan 'effluent' sawit. Selain itu, Kilang Sawit Bukit Bandi juga diiktiraf oleh SIRIM QMS ISO 9001:2015 serta MSPO 2530:2013 (Part 4) dan MSPO SCCS.

LRTSB turut mengembangkan perniagaannya dengan mewujudkan Unit Ternakan yang menguruskan penteranagan ayam kampung hybrid serta ternakan lembu secara integrasi dan fidlot.

Selaras dengan 2021 sebagai Tahun Pertanian Terengganu, LRTSB dapat memainkan peranan dalam mengembangkan potensi pertanian negeri bagi memenuhi keperluan rakyat Terengganu Darul Iman.



8 Segmen

RM1 Juta

PERUNTUKAN UNTUK PEMBELIAN 1,600 TABLET UNTUK MURID SEKOLAH DI SELURUH NEGERI TERENGGANU.

RM105,000

SUMBANGAN ZAKAT KEPADA KUDOI, MDQ DAN MADRASAH DAR.



PENDIDIKAN

TERENGGANU INC



EKONOMI

EPIC **TDM**
BERHAD



RM300,000

PROJEK PENTERNAKAN 'CONTRACT FARMING'

LATIHAN KERJA ' HARVESTING SPECIALIST MSPO' BAGI PEKEBUN KECIL



SARA HIDUP

EPIC
TDM
BERHAD

SATU



RM1.2 Juta

BIL AIR PERCUMA UNTUK PENGGUNA TERLIBAT DALAM KRISIS AIR BERANGAN

RM500,000

PERUNTUKAN DALAM TABUNG BANTUAN COVID-19 BAGI KELUARGA TERJEJAS

TDM PRIHATIN SUMBANGAN KEPADA IBU TUNGGAL, ANAK YATIM & FAKIR MISKIN

PENGHAYATAN ISLAM

SATU

RM1.4 Juta

BIL AIR PERCUMA DI MASJID SELURUH NEGERI TERENGGANU

2,000 NASKAH AL-QURAN DIEDAR KE DI MASJID, SURAU DAN MADRASAH



RM1,614,088

SUMBANGAN KEWANGAN KEPADA DUN TERLIBAT DALAM KRISIS AIR BERANGAN



RM500,000

SUMBANGAN KEPADA PASCA BANJIR DI DUN TERLIBAT DI KEMAMAN



RM300,000

SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR DI PAHANG, SELANGOR & KUALA LUMPUR



RM200,000

AIDPALESTINE

RM250,000

TABUNG YAYASAN PELAJAR

KESIHATAN



RM150,000

ZAKAT KEPADA WARGA ASNAF

RM250,000

TABUNG DARUL IMAN



BANTUAN MAKANAN



RM100,000

PERUNTUKAN UNTUK TERENGGANU INC FOODBANK

RM20,000

BERBENTUK ZAKAT KAKITANGAN DAN KOTAK MAKANAN SEMASA BULAN RAMADHAN HULURAN KASIH MEMBANTU KELUARGA YANG MEMERLUKAN

RM180,000

PERUNTUKAN UNTUK EPIC CAKNA & PRIAHITIN



SUKAN

TSG
TERENGGANU CYCLING TEAM

RM1 Juta

UNTUK TABUNG PEMBANGUNAN SUKAN NEGERI TERENGGANU (TPSNT)

DRAWBRIDGE TEKAD KEMBALI SEBAGAI IKON PELANCONGAN NEGARA

KITA TIDAK MENSASARKAN PADA KEHADIRAN PENGUNJUNG SAHAJA SEBAGAI SUMBER PENDAPATAN SEMATA-MATA, BANYAK TEMPAHAN TELAH DITERIMA DARIPADA SYARIKAT LAIN UNTUK PENGANJURAN ACARA SEPERTI MAJLIS KERAIAN, SEMINAR DAN SEBAGAINYA, SETIAP HUJUNG MINGGU GALERI KITA SENTIASA PENUH DIKUNJUNGI PELANCONG,”

- Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties, Khalizan Mahmud.



Dengan penubuhannya pada tahun 2007 dan penjenamaan semula sebagai TI Properties Sdn. Bhd. pada 2013, anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc merupakan entiti utama dalam pengurusan aset, pembangunan projek dan pengurusan projek.

SEBAGAI PENGENDALI UTAMA JAMBATAN ANGKAT TERENGGANU (DRAWBRIDGE), TI PROPERTIES TEKAD DALAM MENGEMBALIKAN IKON BANDAR PESISIR PANTAI TERSEBUT SEBAGAI SIMBOL PELANCONGAN DI TERENGGANU DAN MALAYSIA.



Kesan pandemik COVID-19 dan kekangan perintah kawalan pergerakan (PKP) telah memberi impak kepada kedatangan pelancong tempatan daripada 150,000 lebih orang (September-Disember) pada tahun 2019 turun kepada 404,959 orang pada keseluruhan tahun 2021. Perubahan tersebut adalah disebabkan faktor sekatan pada sempadan kawasan, daerah dan negeri menghalang kedatangan pelancong dari kawasan pantai barat.



“BIARPUN DALAM 2021 SEMPADAN DAN PERATURAN DILONGGARKAN, NAMUN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) MASIH KETAT DAN KITA MENGEKALKAN SARANAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DENGAN HANYA MEMBENARKAN 50 PERATUS SAHAJA PENGUNJUNG MENAIKI GALERI DRAWBRIDGE, PADA SATU-SATU MASA.

Umum mengetahui, jambatan angkat bermenara itu adalah yang pertama di Malaysia dan merupakan tarikan buat pengunjung dengan spesifikasi dan keunikannya. Setiap sabtu malam ‘bascule’ jambatan diangkat sekali gus memangkin kedatangan pelancong dan limpahan ekonomi juga dirasai oleh peniaga tempatan seperti tapak jualan ‘foodtruck’.

Struktur tersebut juga merupakan simbol memperjuangkan isu sosial dengan cara menyalakan lampu bertemakan warna seperti tema bendera Palestin dan warna kesedaran kanser payu dara, serta lain-lain sokongan kepada pelbagai acara serta peristiwa berdasarkan permintaan pelbagai pihak.

TERENGGANU INC BINA POTENSI PRODUK PELANCONGAN KENYIR

Pembangunan beberapa projek di bawah Kumpulan Terengganu Inc yang giat dijalankan di Pulau Poh, Tasik Kenyir bakal merancakkan sektor industri pelancongan di tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara. Antaranya seperti pembinaan hotel bertaraf tiga bintang di Pulau Poh yang menawarkan 150 bilik itu mampu menarik lebih ramai pelancong ke tasik yang berkeluasan 38,000 hektar itu. Selain itu, kewujudan lebih 10 ruang niaga di Marina Dome serta Jambatan Pulau Poh juga antara tarikan terbaru yang bakal membuka lembaran baharu industri pelancongan di tasik berkenaan.



"BANYAK TELAH KITA LAKUKAN UNTUK MERANCACKAN TASIK KENYIR TERUTAMA DI SEKITAR PULAU POH. ANTARANYA ADALAH PEMBINAAN HOTEL LAPAN TINGKAT DENGAN 150 BILIK UNTUK MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK PENGINAPAN BAGI KESELESAAN PENGUNJUNG,"

- Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun



Dalam pada itu, pembinaan jeti baharu di Pulau Poh membolehkan lebih 1,000 pengunjung berada di sini pada satu-satu masa selain memisahkan jeti untuk aktiviti 'island hopping' dan rumah bot. Terengganu Inc juga sedang giat melakukan kerja-kerja baik pulih taman tema air sedia ada selain merancang pelbagai program termasuk menyediakan aktiviti belon udara panas yang mungkin akan dijadikan antara tarikan terbaru di sini.

Perkembangan industri pelancongan di kawasan Pulau Poh tentunya bakal memberi limpahan ekonomi penduduk di daerah ini khususnya di sekitar kawasan Tasik Kenyir. Keutamaan diberikan kepada penduduk setempat dalam usaha meningkatkan tahap ekonomi dan sosial mereka.

Seiring dengan objektif kerajaan negeri dibawah Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030 (PITAS 2030), Terengganu Inc akan memastikan sebarang pembangunan yang dilakukan memberi manfaat kepada penduduk sekitar. Terengganu Inc komited dalam meneruskan agenda dan mandat pembangunan negeri mengikut perancangan di kawasan tersebut.

PERMAI HOTEL CETUS INOVASI SEMASA PANDEMIK

Sejak 1994, Permai Hotel merupakan antara tonggak utama dalam sektor pelancongan di Terengganu, berpandukan perkhidmatan penginapan berprofil tinggi buat pelanggan yang ingin bercuti atau menjalankan pertemuan bisnes.

Semasa mengharungi pandemik COVID-19, cetusan menu nasi kandar hasil inovasi Permai Hotel Kuala Terengganu mendapat sambutan hangat dengan lebih 600 sajian nasi kandar berharga RM5 terjual melalui 'Jom Singgah Beli' dalam masa empat jam pada Februari 2021.

Pada permulaannya, Permai Hotel telah menyediakan 100 sajian nasi kandar pada hari pertama sebagai percubaan, namun begitu, permintaan yang tinggi dan sangat positif telah diterima daripada para pelanggan daripada komuniti bandaraya tersebut.

"JUALAN YANG SEPATUTNYA BERMULA DARI PUKUL 11.30 PAGI SEHINGGA 2.30 PETANG TIDAK KESAMPAIAN.INI KERANA TIDAK SAMPAI SETENGAH JAM, LEBIH 100 SAJIAN TELAH TERJUAL DAN MASIH RAMAI PELANGGAN MEMBUAT TEMPAHAN. PERMAI HOTEL BERTINDAK PANTAS DENGAN MENAMBAH BILANGAN SAJIAN NASI KANDAR SEHINGGA MENCAPAI SEBANYAK 600 SET," - Pengurus Besar Permai Hotel, Noralizan Abdul Rahman.

Tempahan juga dibuka secara 'walk in' atau meminta penghantaran dari pihak hotel. Pelanggan Permai Hotel juga boleh memilih lebih dari sembilan jenis lauk seperti kari kambing, kari telur sotong, kari ikan dan 'baby crab' dengan harga yang berpatutan.



PRIMULA BEACH HOTEL AMAL KONSEP MESRA ALAM, SEDIAKAN STESEN CAS KENDERAAN EV



Sebahagian daripada pemain utama sektor pelancongan di bawah Kumpulan Terengganu Inc, Primula Beach Hotel merupakan penyedia perkhidmatan hospitaliti berkualiti dan kompetitif dengan penginapan terbaik dan berpatutan di Kuala Terengganu.

Pada November 2022, pengguna kenderaan elektrik kini boleh mengecas kenderaan mereka di stesen cas 'Electric Vehicle' (EV) di Primula Beach Hotel yang mana lokasi kemudahan tersebut hanya terdapat di tiga tempat sekitar Pantai Timur.

Selain memberi kemudahan kepada pemilik kenderaan elektrik untuk mengecas kereta, Primula Beach Hotel berharap stesen cas ini dapat memberi nilai keunikan dalam mempelbagaikan pendapatan.

"PENYEDIAAN STESEN PENGECASTANINI DIHARAP MAMPU MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG KE TERENGGANU SEKALIGUS DAPAT MERANGSANG EKONOMI SEKTOR PELANCONGAN NEGERI DAN SELARAS DENGAN HASRAT KUMPULAN TERENGGANU INC DALAM MEMULIHARA ALAM SEKITAR DAN MENGAMALKAN KONSEP MESRA ALAM," - Pengurus Besar Primula Beach Hotel, Suaibah Harun.

SISA BALAK DIMANFAAT KEMBALI

ANAK SYARIKAT GOLDEN PHAROS BERHAD (GPB), PERMINT PLYWOOD SDN. BHD. (PPSB) KINI MENGHASILKAN PERABOT DAN PELBAGAI PRODUK HILIRAN LAIN HASIL SISA BALAK MENERUSI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSAMA TERENGGANU TIMBER INDUSTRY TRAINING CENTRE (TTITC).

“LANGKAH INI MAMPU MEMBUKA PELUANG KEPADA PELAJAR TTITC SUPAYA LEBIH KREATIF DALAM PENGHASILAN PELBAGAI PRODUK HASIL SISA BALAK BERBANDING SEBELUM INI YANG LEBIH TERTUMPU KEPADA SENI UKIR KAYU,”
- Pengerusi Lembaga Pengarah TTITC, Muhyidin Abdul Rashid

Kebanyakan sisa balak berukuran lapan hingga 36 kaki ini dianggap sebagai bahan buangan. Kini, produk hiliran tersebut boleh dihasilkan semula menjadi produk baharu seperti almari, kerusi, meja makan, rak TV, bingkai gambar dan pintu gerbang yang mempunyai nilai tersendiri.



TDM PLANTATION, MPOGCF MEMETERAI INISIATIF PULIHARA HABITAT LIAR

TDM Berhad menerusi sektor perladangannya, TDM Plantation Sdn. Bhd. (TDMP) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) untuk menambah baik inisiatif pemuliharaan alam sekitar dan hidupan liar.

Usaha tersebut bersesuaian dalam pemuliharaan hubungan antara manusia dan haiwan liar yang ditempatkan semula disebabkan oleh pembangunan sektor sawit di Terengganu.



“PEMBANGUNAN SEIMBANG SEPERTI USAHA 'LIVING TOGETHER WITH ELEPHANTS' YANG MERUPAKAN SATU INISIATIF DIJALANKAN BAGI MENANGANI ISU PENCEROBOHAN GAJAH LIAR DI LADANG KELAPA SAWIT SYARIKAT YANG BERADA DI KEMAMAN DAN SETIU,”
- Ketua Pegawai Eksekutif TDMP, Hamdan Ibrahim.

MANIS FM PERHEBATKAN IMPAK PENYAMPAIAN BERSAMA UniSZA

Beroperasi sejak tahun 1999, Manis FM ialah stesen radio swasta pertama di Pantai Timur dan merupakan anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc yang menjurus kepada sektor media yang dikendalikan oleh Husa Network Sdn. Bhd.

ANTARA PERKEMBANGAN SYARIKAT TERSEBUT PADA 2021, MENERUSI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA HUSA NETWORK SDN. BHD. (MANSIFM) DENGAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA) YANG TELAH MENCETUSKAN SATU IMPAK DALAM KOMUNIKASI DAN PENYAMPAIAN ILMU DI PERINGKAT NEGERI.



Beberapa aspek terutama dari segi maklumat dan penerangan akan berkembang dengan lebih meluas lagi dalam pelbagai bidang-bidang yang ditawarkan universiti awam tersebut.

Antara bidang yang akan dilaksanakan adalah pertukaran dan perkongsian kepakaran teknikal dan konsultansi dalam bidang pertanian dan perniagaan.

"DI SAMPING ITU, IA TURUT MELIPUTI PENGANJIURAN BERSAMA DALAM MENGADAKAN SEMINAR BENGKEL KURSUS DAN AKTIVITI KESENIAN DAN PERNIAGAAN DAN LAIN-LAIN BIDANG KERJASAMA YANG DIPERSETUJUI BERSAMA," - Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, Dato' Yahaya Ali semasa merasmikan MOU tersebut pada Mac 2021.

KMI HEALTHCARE BINA HOSPITAL SWASTA PERTAMA DI KEMAMAN

SEKTOR PENJAGAAN KESIHATAN TDM BERHAD, KUMPULAN MEDIC IMAN SDN. BHD. (KMI HEALTHCARE) BAKAL MEMBANGUNKAN HOSPITAL PAKAR SWASTA PERTAMA DI DAERAH KEMAMAN.

MOU tersebut melibatkan pembangunan sebuah hospital swasta di Kampung Jaya, Chukai. Pembinaan hospital tersebut berkapasiti 100 katil di tanah seluas 5.4 ekar milik Majlis Perbandaran Kemaman (MPK), selaras dengan Rancangan Tempatan Kemaman. Hospital itu juga mampu menempatkan 200 katil pada masa hadapan.

"KEMAMAN ADALAH LOKASI PILIHAN BERDASARKAN PERMINTAAN SETEMPAT SELARAS DENGAN SARANAN KERAJAAN NEGERI," - Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare, Dr. Rayney Azmi Ali.



KMI Healthcare kini mengendalikan lima hospital iaitu Pusat Perubatan KMI Kuala Terengganu (sebelum ini dikenali sebagai Hospital Pakar Kuala Terengganu), Pusat Perubatan KMI Kuantan, Pusat Perubatan KMI Kelana Jaya, Pusat Perubatan KMI Taman Desa dan Pusat Perubatan KMI Tawau.

KUMPULAN TERENGGANU INC PERHEBATKAN USAHA CSR MENERUSI LAPAN SEGMENT

PELBAGAI PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) TELAH DILAKSANAKAN OLEH KUMPULAN TERENGGANU INC SEPANJANG TAHUN 2021 YANG MELIBATKAN LAPAN SEGMENT TUMPUAN DALAM USAHA MEMANFAATKAN PELABURAN UNTUK RAKYAT.

Terengganu Inc menghayati dan mengaplikasikan slogan 'Memanfaatkan Pelaburan Untuk Rakyat' sebagai satu panduan dalam mengerakkan inisiatif CSR.

Antara fokus yang diberikan adalah melalui segmen bantuan makanan bagi meringankan kos sara hidup, pertolongan ketika musibah bencana, suntungan ekonomi, sukan, penghayatan islam, kesihatan dan usaha memajukan pendidikan.

SUMBANGAN BESAR YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN LALU ADALAH SEPERTI BANTUAN SEMASA GANGGUAN AIR BERANGAN SEBANYAK RM1.6 JUTA, SUMBANGAN AIR PERCUMA DI MASJID DAN SURAU SELURUH NEGERI SEBANYAK RM1.4 JUTA SETAHUN. DI SAMPING ITU, TERENGGANU INC JUGA TELAH MENYUMBANGKAN 1,600 BUAH TABLET UNTUK PELAJAR-PELAJAR DI DALAM KELUARGA KUMPULAN B40 BAGI TUJUAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR).

JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN MENCECAH RM1 JUTA,"

- Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun

Selain tanggungjawab dividen dan pembayaran balik pinjaman kepada kerajaan, Terengganu Inc tidak melihat CSR sebagai satu cabaran, tetapi merupakan keperluan demi kemaslahatan rakyat Terengganu.



TERENGGANU INC LANCARKAN AGIHAN TABLET RM1 JUTA BUAT 32 DUN



Terengganu Inc serta anak-anak syarikat kumpulannya telah berjaya mengerakkan usaha membantu 1,600 pelajar daripada keluarga B40 di dalam negeri Terengganu menerusi pengagihan peranti tablet secara percuma dalam memudahkan urusan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR).

Menerusi insentif Bantuan Ekonomi Rakyat Terengganu (Berkat) 2021, pemberian peranti itu telah selesai disalurkan dengan peruntukan RM1 juta dan telah diagihkan ke 32 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Malah, kesemua penerima daripada kumpulan tersebut juga menikmati bantuan data internet bernilai RM100.

“BANTUAN YANG DISAMPAIKAN OLEH KERAJAAN NEGERI DAN KUMPULAN TERENGGANU INC ADALAH BERDASARKAN PERTIMBANGAN KEPERLUAN DAN MANFAAT YANG LEBIH BAIK KEPADA RAKYAT”

- Menteri Besar Terengganu Merangkap Penggerusi Terengganu Inc, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar.

EPIC BERHAD, LADANG RAKYAT TRENGGANU, SATU AGIH TABLET, RAPATKAN JURANG TEKNOLOGI



CAKNA DENGAN MASALAH PELAJAR DARIPADA KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN MENJALANI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR), ANAK-ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU INC SEPERTI EPIC BERHAD, LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD. (LRTSB) DAN SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (SATU) TELAH BERSAMA-SAMA MENGAGIHKAN SUMBANGAN PERANTI TABLET KE SEMUA DAERAH DI TERENGGANU.

Menurut ibu kepada salah seorang penerima, Salwana Abdul Halim, 40, beliau rasa terharu terhadap keprihatinan anak-anak syarikat Kumpulan dan kerajaan negeri yang telah memberikan sebuah peranti tablet kepada anaknya bagi membantu proses PdPR.

“EMPAT ORANG ANAK SAYA YANG KINI BERADA DI TAHUN ENAM, EMPAT, TIGA DAN DUA TIDAK PERLU LAGI PERLU BERKONGSI TELEFON BIMBIT BAGI MENGIKUTI KELAS ATAS TALIAN. SAYA RASA AMAT BERSYUKUR KERANA PIHAK KERAJAAN DAN PIHAK YANG BERKENAAN MEMAHAMI CABARAN YANG DIHADAPI OLEH KAMI,”

- Salwana Abdul Halim selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Tablet di Dewan Al-Husna, Markaz Tarbiyah Darul Ansor, Kampung Alor Mak Bah pada April 2021.

Sementara itu, salah seorang penerima lain, Siti Nurul Aini Adha Mohd Zahari menzahirkan perasaan lega kerana tidak lagi perlu meminjam telefon bimbit ibunya. Situasi tersebut kini diper mudahkan menerusi pemberian peranti yang memastikannya dapat mengikuti kelas atas talian dengan lebih berkesan.

JEJAK RAMADHAN 2021: CARI, BANTU, CERIAKAN



Jejak Ramadhan ialah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) tahunan yang dianjurkan bagi menyemarakkan semangat membantu dengan menyasarkan mereka yang kurang berasib baik pada bulan Ramadhan.



INISIATIF TAHUNAN TERENGGANU INC DI BULAN RAMADHAN DITERUSKAN DENGAN SUMBANGAN BARANGAN KEPERLUAN KEPADA KELUARGA ASNAP DI MARANG. SUMBANGAN ITU DIREALISASIKAN MELALUI HASIL KUTIPAN BANTUAN DARIPADA KAKITANGAN TERENGGANU INC.

Pada 8 Mei 2021, kru Jejak Ramadhan telah bergerak ke dua kawasan DUN di daerah Marang bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Limbat, Ariffin Deraman dan ADUN Pengkalan Berangan, Sulaiman Sulong.

PEMBERIAN ZAKAT BERBENTUK SUMBANGAN WANG TUNAI DAN BARANGAN KEPERLUAN ASAS SEPERTI BERAS, GULA, SUSU, TEPUNG DAN LAIN-LAIN.

Menurut seorang penerima, Zunizal Kasim, pemberian tersebut dapat meringankan beban harian terutamanya persiapan untuk menyambut Aidilfitri yang menjelang tiba.

58 EKOR LEMBU BERNILAI RM300,000 DISUMBANGKAN SEMPENA QURBAN AMAL 2021

Sempena menyambut Hari Raya Aidiladha yang sinonim dengan ibadah korban, Terengganu Inc dan anak-anak syarikat Kumpulan meneruskan aktiviti CSR tahunan dengan menyumbang sejumlah haiwan ternakan kepada komuniti yang kurang berasib baik dalam program yang dikenali sebagai Qurban Amal.

Terengganu Inc bersama TDM Berhad dan EPIC Berhad telah mengagihkan 58 ekor lembu bernilai RM300,000 bagi mereka yang memerlukan di sekitar negeri. Haiwan ternakan tersebut telah dibekalkan hasil kerjasama dengan anak syarikat kumpulannya, Ladang Rakyat Trengganu Sdn. Bhd. (LRTSB).

Lembu tersebut diagihkan di daerah Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Kemaman dan Hulu Terengganu.



CSR BANJIR : KUMPULAN TERENGGANU INC CUCI KEMAMAN

Pada penghujung setiap tahun, Terengganu saban tahun mengalami musim tengkujuh disebabkan oleh perubahan angin Monsun Timur Laut. Fenomena ini turut mengundang kepada bencana banjir yang kerap melanda terutamanya di daerah Kemaman.

Melihat kepada kesusahan yang dialami penduduk akibat bencana itu, Terengganu Inc bersama kakitangan anak-anak syarikat kumpulan seramai 150 orang berganding bahu membersihkan kawasan perumahan warga Kemaman yang terkesan akibat banjir pada akhir bulan Disember 2020.

Gerak kerja tersebut telah dimulakan sejak gelombang banjir yang pertama pada akhir tahun 2020 dengan aktiviti kesukarelawanan yang disertai kakitangan Terengganu Inc, EPIC Berhad, SATU, TDM Berhad, Ladang Rakyat Trengganu Sdn. Bhd., Golden Pharos Berhad, TI Properties Sdn. Bhd., Primula Beach Hotel dan Permai Hotel.



Bantuan kewangan sebanyak RM150,000 telah dihulurkan oleh EPIC Berhad dan kerahan tenaga seramai 100 orang turut turun padang bergotong-royong mencuci rumah mangsa banjir di sekitar Bandar Baru Bukit Mentok.

Dalam pada itu, SATU turut menyertai inisiatif pasca banjir dengan menyalurkan RM300,000 menerusi Tabung Darul Iman di samping membekalkan sumber air bersih dan air mineral. Manakala itu, Terengganu

Inc menyumbang 500 pasang kasut but khas buat anggota penyelamat dan sukarelawan di kawasan Teladas.

“Terima kasih kepada semua anak-anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc yang terlibat membantu lebih 1,000 buah rumah di sekitar Bandar Baru Bukit Mentok, Taman Seri Nilam, Pengkalan Pandan dan kawasan berdekatannya,” kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chukai, Hanafiah Mat.

TERENGGANU INC SOKONG IMUNITI KELOMPOK, BANTU USAHA VAKSINASI



syarikat dalam menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan menyahut seruan untuk mencapai imuniti kumpulan serta menjalani kewajiban menjaga diri dan orang sekeliling.

Sementara itu, Terengganu Inc juga tidak melupakan keringat dan dedikasi para pekerja kesihatan dan barisan hadapan dalam menguruskan negara sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Dalam usaha menyokong imuniti kelompok, Terengganu Inc giat menyelaras usaha vaksinasi bersama pihak berkuasa dalam memastikan semua kakitangan mendapat vaksin sepenuhnya pada akhir Ogos 2021.

Terengganu Inc tekad menyediakan tempat kerja yang selamat dan meningkatkan kesediaan operasi apabila pembukaan sektor ekonomi dibenarkan. Langkah tersebut merupakan usaha

Oleh itu, antara inisiatif yang telah dijalankan ialah sumbangan 250 pak makana kepada petugas barisan hadapan yang disediakan oleh Primula Beach Hotel. Pak makana telah diserahkan oleh Naib Presiden Kanan, Pejabat Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Mohd Roslan Mamat kepada Pegawai Kesihatan Daerah Setiu, Dr. Mohd Hanief Ahmad.

PENARIK BECA TERKESAN AKIBAT PANDEMIK MENDAPAT PERHATIAN

Menyedari kemelesetan sektor pelancongan akibat pandemik COVID-19, Terengganu Inc tampil menghulurkan bantuan kepada penarik beca menerusi Program Sentuhan Monsun di Pesisir Payang, pada 7 Disember 2021. Sebanyak RM10,000 diperuntukkan bagi melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama penarik beca di sekitar Kuala Terengganu.

"KAMI SEDAR GOLONGAN PENARIK BECA SANGAT MEMERLUKAN BANTUAN MEMANDANGKAN PERKHIDMATAN MEREKA KURANG MENDAPAT PERMINTAAN DENGAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SEJAK MAC 2020. RATA-RATA MEREKA ADALAH GOLONGAN WARGA EMAS YANG PERLU DIBANTU. DIFAHAMKAN, PENDAPATAN MEREKA TIDAK MENENTU DAN ADA KALANYA TIADA PENUMPANG Tatkala MUSIM TENGKUJUH YANG SEDANG MELANDA,"

Kata Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilm Mohamed @ Harun

Hadir sama bagi mengagihkan sumbangan tersebut adalah Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO negeri, Wan Sukairi Wan Abdullah. Menurut Pengurus Persatuan Penarik Beca Kuala Terengganu, Abdullah Muhamad, 66, sumbangan yang diberikan sangat bermakna buat penarik beca bagi meneruskan hidup.

"Selepas kerajaan membenarkan aktiviti rentas negeri, kami berasa amat lega kerana sebelum ini kami tiada pendapatan akibat PKP dan kini musim tengkujuh tiba. Walaupun kekurangan pelanggan, kami berterima kasih kepada Terengganu Inc dan pelbagai pihak yang memberi sumbangan sama ada wang tunai atau barang keperluan harian," - Pengurus Persatuan Penarik Beca Kuala Terengganu, Abdullah Muhamad



EPIC BERHAD CAKNA, BANTU 120 NELAYAN DITIMPA MUSIM TENGKUJUH

SENYUMAN 120 NELAYAN JELAS TERUKIR SETELAH MENERIMA BANTUAN DALAM BENTUK WANG TUNAI DAN BARANGAN KEPERLUAN ASAS MELALUI 'PROGRAM EPIC CAKNA DAN PRIHATIN EDISI KHAS NELAYAN 2021' ANJURAN EPIC BERHAD.



PROGRAM TERSEBUT ADALAH SALAH SATU INISIATIF CSR UNTUK MEMBANTU GOLONGAN YANG MEMERLUKAN. KAMI BERHARAP BANTUAN INI SEDIKIT SEBANYAK DAPAT MEMBANTU MENGURANGKAN BEBAN HIDUP MEREKA. EPIC BERHAD SENTIASA BERSEDIA UNTUK MEMBANTU GOLONGAN YANG KURANG BERKEMAMPUAN,"

- Ketua Pegawai Operasi Kumpulan EPIC, Noor Tuah Jaafar.

Pelaksanaan program berjaya dijalankan dengan lancar menerusi kerjasama bersama Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemasik dan Sabasun HyperRuncit Sdn. Bhd.

Sumbangan telah disampaikan secara pandu lalu bagi mematuhi kawalan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disarankan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN). Turut hadir dalam usaha pengagihan tersebut, ADUN Kemasik, Ir. Saiful Azmi Suhaili.



KUMPULAN TERENGGANU INC WAKAF 20,000 NASKHAH AL-QURAN

KUMPULAN TERENGGANU INC TELAH MELANCARKAN PROGRAM 'WAKAF AL-QURAN' DENGAN KERJASAMA IMAN CARE, SEBUAH BADAN NGO, DALAM PENGAGIHAN 20,000 NASKHAH AL-QURAN KEPADA MASJID, SURAU DAN MADRASAH DI SELURUH NEGERI TERENGGANU.

Al-Quran tersebut telah dicetak oleh Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu (SPYIT) yang merupakan anak syarikat Terengganu Inc yang terlibat dalam sektor percetakan dan media.

"PENGAGIHAN AL-QURAN ITU DIGERAKKAN DALAM BULAN RAMADHAN SEBAGAI USAHA MEMENUHI KEPERLUAN UMAT ISLAM

SEMPENA BULAN YANG PENUH BERKAT. NAMUN BEGITU, PROSES AGIHAN INI TERPAKSA DITAWAQQUFKAN BERIKUTAN PENGUMUMAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SERENTAK DI SELURUH NEGARA. NAMUN BEGITU, PROSES AGIHAN AL-QURAN DITERUSKAN SEMULA SEBAIK SAHAJA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 3 BERMULA," - Terengganu Inc.

Inisiatif ini turut disertai oleh anak-anak syarikat Kumpulan yang terdiri daripada TDM Berhad, EPIC Berhad, GPB, SATU, LRTSB, ManisFM, TI Properties, PTB Unit Trust Berhad, TSTC, Hartanah Terengganu, GPQ, Permai Hotel Kuala Terengganu, Primula Beach Hotel dan Terengganu Kitchen (T-Kitchen).

Aktiviti pengagihan tersebut mengambil kira lokasi masjid, surau, madrasah yang berdekatan atau berada di sekitar premis dan pengoperasian anak-anak syarikat kumpulan Terengganu Inc dalam berkongsi manfaat bersama masyarakat sekeliling.



'TERENGGANU INC FOOD BANK' MENGISI PERUT GOLONGAN YANG MEMERLUKAN

Memahami kesukaran yang dihadapi oleh golongan kurang berkemampuan, Terengganu Inc mewujudkan 'Terengganu Inc Food Bank' di beberapa stesen minyak terpilih di sekitar Kuala Terengganu.

Sebanyak RM100,000 diperuntukkan bagi pengoperasian 'food bank' di beberapa stesen minyak Shell dan Petron yang terletak di Wakaf Mempelam dan Pulau Kambing.

Usaha prihatin itu direalisasikan melalui persetujuan Terengganu Inc bersama pengusaha stesen minyak bagi menempatkan barang keperluan dan memastikan barang 'food bank' sentiasa mencukupi untuk memenuhi keperluan masyarakat yang memerlukan.

"SASARAN KITA ADALAH UNTUK MEMBANTU GOLONGAN B40 YANG TERDIRI DARIPADA GOLONGAN ASNAF, DAIF DAN MEREKA YANG MENGALAMI KESEMPTIAN HIDUP AKIBAT PANDEMIK COVID-19 DAN SEBAGAINYA. MEREKA BOLEH DATANG KE SINI," - Ketua, Komunikasi Strategik Kumpulan Terengganu Inc, Suridah Supian

'Food bank' tersebut dilengkapi dengan keperluan asas seperti beras, kicap, mihun, sardin gula, tepung gandum dan sebagainya. Kiosk bantuan tersebut telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), Wan Sukairi Wan Abdullah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Wakaf Mempelam.

Menurut seorang ibu tunggal kepada lima anak, Rohaya Ismail, 44, inisiatif 'food bank' tersebut boleh membantu golongan kurang berkemampuan seperti termasuk keluarganya.

"BARANGANINI MEMANG DIPERLUKAN OLEH SESSI KELUARGA SAYA BAGI MENJALANI KEHIDUPAN HARIAN. JADI IA SANGAT MEMBANTU SAYA DAN ANAK-ANAK YANG MENGALAMI KEPAYAHAN UNTUK MENERUSKAN KELANGSUNGAN HIDUP," - Rohaya Ismail

CDP 2022 WADAH MANTAPKAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG ANAK-ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU INC

PROGRAM 'CORPORATE DIRECTORS PROGRAMME 2022 (CDP)' DENGAN TAGLINE 'MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN KEPIMPINAN: DALAM SUASANA PASCA PANDEMIK' MERUPAKAN LANGKAH TEPAT DALAM MENERAPKAN ASPEK KEPATUHAN UNDANG-UNDANG KEPADA ANAK-ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU INC.

"SEBAGAI SEORANG PENGARAH SYARIKAT, BEBERAPA PERKARA PENTING PERLU DITEKANKAN BAGI MEMASTIKAN TUGAS DILAKUKAN DENGAN EFEKTIF. ANTARANYA IALAH MEMAINKAN PERANAN BERKESAN DALAM PENGENDALIAN MESYUARAT, MEMAHAMI ASPIRASI PERNIAGAAN SYARIKAT, MENYUMBANG KEPADA AMALAN TADBIR URUS YANG EFISIEN JUGA MERENCANA DAN MEMACU PELAN PERNIAGAAN SYARIKAT," - Menteri Besar Terengganu, Dato Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar.

CDP menyaksikan penyertaan orang 200 pengarah dan pengurusan Kumpulan Terengganu Inc hadir ke sesi persidangan selama dua hari itu. Program tersebut bermula dengan

sesi persidangan bersama panel pertama daripada Rakan Urusan Messrs Mohamed Ridza and Co, Mohamed Ridza Abdullah dengan sesi persidangan bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Pengarah dan Liabiliti Korporat menurut Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018)'. Sesi diteruskan dengan forum dialog daripada Messrs Deloitte Malaysia, salah satu daripada firma perakaunan terkemuka. Ahli panel daripada firma tersebut berkongsi pandangan mereka mengenai 'Kesan Pandemik Terhadap Perniagaan'.

Sesi penganjuran tersebut diikuti dengan forum perniagaan peringkat CDP 2022 bertajuk



'Meningkatkan Tadbir Urus dan Kepimpinan: Persekutuan Pasca Pandemik'.

Bagi sesi forum ini, Mohd Nazri Chik telah dilantik sebagai moderator jemputan bersama-sama ahli panel seperti Mohamed Ridza Abdullah dari Tetuan Mohamed Ridza and Co, dari Deloitte Malaysia, Kamarul Baharin Tengku Zainal Abidin dan Mohd Faris Mohd Faruk, serta Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun.

LIMA ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU BOLOT ANUGERAH HASIL PENCAPAIAN 2020, 2021



DALAM MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA PROGRAM 'CORPORATE DIRECTORS PROGRAMME 2022 (CDP)', LIMA ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU INC TELAH BERJAYA MEMBOLOT ANUGERAH DALAM PELBAGAI KATEGORI.

Antara pemenangnya dalam kategori 'Best Performing Company 2020 (Category-Large)' diraih oleh Ladang Rakyat Trengganu Sdn. Bhd. (LRTSB) yang menjadi penyumbang terbesar dalam pendapatan pada tahun 2021, hampir 180 peratus dari sasaran bajet pendapatannya.

"Kami turut berbesar hati menerima anugerah 'Top Dividend Paying Company 2020' serta Naib Johan kategori 'Top CSR Contributor for 2021' daripada Terengganu Inc. Kami akan terus berusaha dalam meningkatkan daya saing dan prestasi serta tekad dalam menyumbang kembali kebaikan kepada masyarakat", - Ketua Eksekutifnya LRTSB, YM Che Ku Hafeez Che Ku Denang.

Sementara itu, anugerah 'Best Performing Company 2020 (Category-Small and Medium)' diraih oleh syarikat pengurus jambatan angkat Kuala Terengganu iaitu TI Properties Sdn. Bhd. pada majlis tersebut yang diadakan di Duyong Marina and Resort Convention Centre, Kuala Terengganu. Syarikat Air Terengganu (SATU) turut mendapat pengiktirafan dan anugerah sebagai Johan kategori 'Top CSR Contributor 2021' bagi tahun 2021. Anugerah tersebut diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Abdul Karim Endut.

"Menerusi #satucare, SATU sentiasa cakna dalam menyalurkan tenaga dan menuaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) ke arah transformasi pembangunan negeri Terengganu yang lebih mampan," - Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Abdul Karim Endut

TSTC : PUSAT LATIHAN KESELAMATAN TEMPATAN BERTARAF DUNIA

Pada awal tahun penubuhannya tanggal 1994, Terengganu Safety Training Centre Sdn. Bhd. (TSTC) merupakan pusat latihan keselamatan di Chukai, Kemaman yang telah mendominasi pasaran latihan dalam industri minyak dan gas serta petro-kimia.



SEHINGGA TAHUN 2021, TSTC TELAH BERJAYA MELATIH SERAMAI 250,000 ORANG DARI PELBAGAI LATAR BELAKANG PEKERJAAN, PENDIDIKAN DAN NEGARA DENGAN VISI UNTUK MENJADI PILIHAN GLOBAL DALAM BIDANG LATIHAN KESELAMATAN MENJELANG TAHUN 2030.

"PELBAGAI KEMUDAHAN LENGKAP DISEDIAKAN SEPERTI JETI LATIHAN, 'FIRE GROUND' DAN KOLAM LATIHAN YANG LUAS BERSAIZ BESAR SERTA LAIN-LAIN PRASARANA UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN LATIHAN,"

- Pengurus Besar TSTC, Mohd Rosni Salim

Menerusi bimbingan dan dedikasi tenaga pengajar dwibahasa yang berpengetahuan luas dan dilatih di luar negara, TSTC mampu menarik minat warga tempatan serta luar negara bagi menjalani latihan di pusat latihan bertaraf antarabangsa tersebut.

Selain itu, TSTC sentiasa menerima permintaan daripada klien ternama dari dalam dan luar negara seperti PETRONAS, ExxonMobil, Schlumberger, EPOMS, EnQuest, Halliburton, FPSO Ventures Sdn. Bhd. dan lain-lain untuk menjalani kursus latihan keselamatan.



Agensi kerajaan turut menjalani program latihan di TSTC seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Brunei, Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengikuti kursus HUET and Sea Survival, Public Safety Diver and Crew Resources Management.

Dalam pada itu, TSTC juga tidak asing lagi dengan kerjasama antarabangsa bersama PETRONAS Carigali Myanmar (Hong Kong), EXXONMOBIL Indonesia, EXXONMOBIL Angola dan Nigeria dan Saudi International Petrochemical Company (SIPCHEM) (Saudi) dan lain-lain lagi.

Kredibiliti TSTC dicapai menerusi pengiktirafan pensijilan bertaraf dunia yang mengukuhkan lagi kepercayaan syarikat dan bakal pelatih. Pensijilan dan pengiktirafan tersebut diperolehi dari OPITO yang merupakan badan akreditasi antarabangsa untuk kursus latihan keselamatan dan teknikal. Manakala SIRIM QAS International and International Technical Diving Agency (ITDA) turut memberi pengiktirafan yang sama.

TSTC juga melalui syarikat bersekutunya International Diving Academy Sdn. Bhd. (IDA), merupakan satu-satunya pusat latihan selaman yang ditauliahkan oleh Australian Diving Accreditation Scheme (ADAS) dan CIDB Malaysia dengan menyediakan 'Occupational or Commercial Diving Training' antaranya kursus kimpalan bawah air sehingga kepada latihan selam yang mencapai kedalaman 50 meter.



CHICKEN COTTAGE : TUKARKAN PANDEMIK KEPADA PELUANG BESAR

ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU INC, CHICKEN COTTAGE YANG MULA BEROPERASI DI WEMBLEY PADA 1994, SEMAKIN KUKUH DALAM INDUSTRI RESTORAN MAKANAN SEGERA GLOBAL MENERUSI MENU HALAL BERKUALITI TINGGI YANG TERKENAL SEPERTI AYAM PANGGANG DAN AYAM GORENG.



DALAM DUNIA MENGALAMI KESAN KEMELESETAN SOSIO-EKONOMI AKIBAT PANDEMIK COVID-19, CHICKEN COTTAGE BERJAYA MENGHARUNGI BISNESNYA DENGAN MENGADAP TASIKAN KEPERLUAN MASYARAKAT DI SAMPING MENGIATKAN PERJANJIAN FRANCAIS DI PERINGKAT GLOBAL.

Pada tahun 2020 sehingga 2021, pelbagai cabaran telah dilalui oleh syarikat tersebut dari segi sekatan sempadan dan ekonomi yang menghalang pertumbuhan Chicken Cottage.

“MESKIPUN BEGITU, KITA MENGAMBIL INISIATIF PROAKTIF DENGAN MEREALISASIKAN PERJANJIAN BERSAMA PERKHIDMATAN PENGHANTARAN MAKANAN KE RUMAH MENERUSI RAKAN KONGSI DENGAN KOMISEN MENARIK. HASILNYA, KITA MENDAPAT PERTUMBUHAN DUA DIGIT DALAM



JUALAN, LEBIH MEMBANGGAKAN BEBERAPA FRANCAIS MEREKODKAN JUALAN LEBIH DARIPADA SASARAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN SEBELUMNYA,”

- Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Chicken Cottage, Shahrin Imran

Walaupun keadaan telah kembali normal dengan kelonggaran pasca endemik, perkhidmatan penghantaran masih mewakili 50 peratus daripada jumlah jualan di 57 cawangan di United Kingdom (UK), kerana ia telah menjadi norma baharu.

Di samping itu, Chicken Cottage turut berjaya memeterai perjanjian bersama Hass Petroleum Group bagi melebarkan sayap pasaran ke benua Afrika.

Kolaborasi yang ditandatangani pada September 2021 itu mensasarkan pembukaan 50 cawangan dalam masa sepuluh tahun di Kenya, Uganda, Rwanda dan Tanzania. Chicken Cottage juga konsisten dalam pencarian rakan kongsi strategik di seluruh dunia seperti di benua Eropah dan Timur Tengah bagi memastikan syarikatnya tidak terlalu bergantung kepada pasaran UK semata-mata.

Ramai pelabur selesa mengadakan kerjasama bersama Chicken Cottage, antara faktornya seperti konsep makanan halal yang dibawa francais dengan 50 daripada 55 pemilik cawangan beragama Islam.

Sementara itu, antara strategi baharu yang dijalankan di UK adalah dengan merekrut seorang francaisi bagi menguruskan beberapa unit cawangan berbanding cara tradisional yang melibatkan penjagaan satu unit sahaja. Model tersebut lebih cekap menerusi pengkhususan jumlah kedai berbanding pemaju.

Terengganu FC 2021

TERIMA SOKONGAN TEGUH KUMPULAN TERENGGANU INC

SLOGAN ‘WE BLEED BLACK AND WHITE’ ADALAH SINONIM DENGAN KELAB PASUKAN BOLA SEPAK NEGERI, TERENGGANU FOOTBALL CLUB (TERENGGANU FC) YANG MEMBAWA MAKSDU TENAGA, KEAZAMAN DAN DEDIKASI. SEMUA NILAI TERSEBUT YANG DISAHUT OLEH KUMPULAN TERENGGANU INC SEBAGAI PENAJA SETIA.

Terengganu Inc menjadi penaja utama Terengganu FC mulai tahun 2019, menerusi inisiatif bernilai RM4 juta hasil gabungan daripada EPIC Berhad, Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) dan Ladang Rakyat Trengganu Sdn. Bhd. (LRTSB).

Gabungan tersebut diteruskan sehingga ke 2021 di mana pelbagai kejayaan dan sebaliknya telah dilalui oleh pasukan tersebut seperti kemenangan bersejarah dengan meleburkan

rekod tanpa kalah Johor Darul Ta'zim (JDT) apabila menang tipis 1-0 ke atas pendahulu Liga Super 2021 itu, pada 25 April.

Keterlihatan Terengganu Inc serta anak-anak syarikatnya sebagai penaja setia diteruskan sehingga ke pentas nasional menerusi momentum padu di mana skuad kendalian Nafuzi Zain itu mara ke suku akhir saingan Piala Malaysia 2021 mengalahkan hasrat Perak FC. Penjenamaan Terengganu FC melalui tiga

anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc iaitu EPIC Berhad, SATU dan LRTSB memberi impak besar kepada pengukuhan jenama syarikat masing-masing.

Kumpulan Terengganu inc tekad meneruskan komitmen penajaan dan sokongan teguh dalam sukan yang paling popular itu sehingga ke musim 2022 dengan jumlah penajaan sebanyak RM1.5 juta, agar Terengganu FC terus maju ke puncak arena bola sepak.





KEJAYAAN SEPARUH DEKAD TSG BERSAMA 'PELABURAN' TERENGGANU INC

SEJAK TAHUN 2017, TERENGGANU INC SUDAH TIDAK ASING LAGI DALAM MENJADI PEMANGKIN UTAMA KEPADA KEMAJUAN DAN KEUNGGULAN PASUKAN BERBASIKAL TARAF BENUA TERNAKA NEGARA, TERENGGANU CYCLING TEAM (TSG) DENGAN SOKONGAN TAJAAN KONSISTEN.

Semangat ingin membangunkan pasukan TSG dicetuskan dengan Terengganu Inc menjadi penyumbang terbesar dengan tajaan sebanyak RM2 juta mendahului 26 syarikat dari dalam dan luar negara termasuk Jepun, China dan Singapura, pada 2017.

Menerusi prestasi cemerlang, TSG telah mendahului dengan kedudukan nombor satu di Asia dalam ranking Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI)

pada musim 2021 sehingga kini, sekali gus membawa penjenamaan Terengganu Inc ke persada antarabangsa di China, Singapura, Thailand dan Turkey.

Pada tahun 2022, TSG dijenamakan sebagai Terengganu Polygon Cycling Team dengan penajaan terbesar yang pernah diterima dalam sejarah penubuhannya berjumlah RM9.3 juta dengan Terengganu Inc kekal komited sebagai penaja utama.

Terengganu Inc terus komited memperkasakan jenamanya melalui penajaan secara komprehensif di samping mengutuhkan hubungan antara kedua-dua pihak tersebut. Sejak lima tahun lepas sehingga kini, TSG dilihat terus kompetitif di pentas dunia dengan sifat optimis menghadapi musim 2022, selari dengan 'tagline' 'The harder the battle, the sweeter the victory'.





SERAMAI 800 PESERTA TURUN BERAKSI DALAM HUJAN LEBAT YANG MENCABAR DALAM GOLDEN MONSOON RIDE 2021. PROGRAM YANG DIRINTIS TERENGGANU INC MELIBATKAN KERJASAMA LIMA ANAK SYARIKAT IAITU GOLDEN PHAROS BERHAD (GPB), TDM BERHAD (TDM), EPIC BERHAD, SYARIKAT AIR TERENGGANU (SATU) DAN LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD. (LRTSB).

Sebahagian besar peserta hadir memberikan saingan dalam kayuhan santai sejauh 53 kilometer. Manakala, sebahagian menyertai acara santai dan cabaran 'off road' di trek sejauh 25 kilometer di ladang sawit TDM Berhad (TDM).

Cabaran 'off road' di Akademi TDM, Sungai Tong mengambil tempat di lima kawasan berbukit dengan tawaran hadiah tunai sebanyak RM1,500 dan sijil bagi johan, diikuti tempat kedua RM1,000, ketiga (RM800), keempat (RM500) manakala kelima hingga ke-10 masing-masing RM100.

Penganjuran Golden Monsoon Ride pada 19 Disember yang lalu telah menghiasi acara tradisi tahunan Kumpulan Terengganu Inc sekali gus dimasukkan dalam kalender pelancongan negeri bermula tahun 2022. Malah, perlumbaan bertaraf antarabangsa itu selaras dengan hasrat untuk menjadikan Terengganu sebagai negeri kayuhan basikal pada 2022.

Berikutnya kejayaan penganjuran Golden Monsoon Ride 2021 tersebut, Terengganu Inc bersama anak-anak syarikat Kumpulan berhasrat mengangkat kejohanan berkenaan ke peringkat antarabangsa pada tahun 2022.

800 PESERTA BERAKSI DALAM GOLDEN MONSOON RIDE 2021



"CONTOHNYA, KATEGORI CABARAN MOUNTAIN BIKE (MTB) INI BERPOTENSI UNTUK DIBAWA KE PERINGKAT ANTARABANGSA. PARA PEMAIN TERENGGANU POLYGON CYCLING TEAM (TSG) SENDIRI MENYIFATKAN TREK ITU SANGAT MENCABAR, BERSESUAIAN DENGAN TARAF PERTANDINGAN PERINGKAT GLOBAL,"

- Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun

